



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	8/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	JPNP		

Operasi tebang pokok durian tetap diteruskan

Sehingga kini lebih 16 hektar kebun musang king haram telah dimusnahkan

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Kerja-kerja menebang pokok durian musang king yang ditanam secara haram di dalam Hutan Simpan Kekal Batu Talam, Raub akan dilaksanakan dalam tempoh sebulan.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, sehingga kini pihaknya sudah menebang pokok durian seluas 16.4 hektar daripada 101 hektar di kebun haram terbabit.

Pada hari ini (Rabu), pihak penguat kuasa sudah menebang pokok durian seluas lapan hektar dan menjadi keseluruhan kawasan yang telah diambil tindakan sebanyak 16.4 hektar atau 16.4 peratus daripada keluasan yang diterokai.

"Operasi memusnahkan kebun durian haram ini berjalan lancar tanpa sebarang provokasi daripada mana-mana pekebun.



Operasi hari kelima memusnahkan kebun durian haram di Hutan Simpan Batu Talam, Raub berjalan lancar tanpa sebarang provokasi daripada pekebun.

"Pihak kami menjangkakan kerja-kerja penebangan ini akan dilakukan selama sebulan, namun kita yakin ia dapat diselesaikan awal," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad berkata, seramai 60 Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara telah ditugaskan untuk mengawal keselamatan petugas yang menjalankan kerja-kerja penebangan pokok durian haram di HSK Batu Talam.

Katanya, pihak polis dan PGA

juga mengadakan dua sekatan jalan raya (SJR) 24 jam di laluan utama masuk ke kawasan kebun durian terbabit.

"Kawalan juga membabitkan jambatan simen yang sebelum ini dua kali dirosakkan pihak tidak bertanggungjawab.

"Saya berharap operasi musnah kali ini dapat berjalan lancar tanpa sebarang gangguan daripada mana-mana pihak," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berharap operasi memusnahkan kebun durian musang king yang ditanam secara haram di dalam hutan simpan itu dapat diselesaikan secepat mungkin.



MOHD HIZAMRI

